

| | | | |
|-------------|---|--------------|-------------------|
| Headline | Institut Islam Hadhari elok ditambah | Language | MALAY |
| Date | 15. Feb 2008 | Page No | 12 |
| Media Title | Berita Harian | Article Size | 217 cm2 |
| Section | Nasional | Frequency | Daily |
| Circulation | 217991 | Color | Full Color |
| Readership | 762968 | | |



Institut Islam Hadhari elok ditambah

TAH NIAH dan syabas diucapkan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana menubuhkan Institut Islam Hadhari, yang pertama di Malaysia dan rantau ini. Pelancaran Institut Islam Hadhari oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini satu komitmen tinggi dan tepat pada masanya kerana masyarakat Malaysia dan antarabangsa memerlukan pelbagai informasi tentang gagasan dan pendekatan Islam Hadhari.

Pelancaran Kursi Syekh Abdullah Fahim juga amat relevan untuk menarik minat cendekiawan tersohor dalam dan luar negara untuk mengadakan perbincangan mengenai ketamadunan Islam serta mewujudkan suasana pemikiran kepimpinan yang berkualiti tinggi. Komitmen Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dalam merealisasikan penubuhan Institut Islam Hadhari juga amat bermakna dan perlu disokong oleh semua pihak.

Saya percaya Institut Islam Hadhari yang diterajui oleh Prof Dr Mohd Yusof Othman sudah tentu akan memperkasakan lagi wacana mengenai Islam Hadhari dengan lebih subur dan murni di kalangan masyarakat Malaysia. Saya berpendapat mungkin ada baiknya Institut Islam Hadhari ditubuhkan di beberapa buah universiti penyelidikan tersohor yang lain di Malaysia seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Ia bertujuan untuk memperkasa dan memartabatkan wacana Islam Hadhari secara holistik dan komprehensif.

Saya juga secara peribadi berminat dengan wacana Islam Hadhari khususnya dari perspektif bukan Islam sejak 2005 dan beberapa makalah saya turut mendapat reaksi umum. Saya dapati masyarakat bukan Melayu berminat mendapatkan maklumat mengenai Islam Hadhari kerana 10 prinsipnya sesuai diamalkan dalam kehidupan seharian.

Tambahan pula, Islam Hadhari

amat menekankan pelbagai nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Masyarakat Malaysia perlu memahami 10 prinsip Islam Hadhari, iaitu Keimanan dan ketakwaan kepada Allah, Kerajaan adil dan beramanah, Rakyat berjiwa merdeka, Penguasaan ilmu pengetahuan, Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif, Kehidupan berkualiti, Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita, Keutuhan budaya dan moral, Pemuliharaan alam semula jadi dan Kekuatan pertahanan.

Jelas sekali, semua prinsip itu perlu diteliti masyarakat Malaysia untuk memahami peri pentingnya Islam Hadhari dalam konteks pembangunan negara. Tidak salah bagi penganut agama lain memahami Islam Hadhari dan dijadikan panduan mengikut acuan agama masing-masing. Namun, kelesuan wacana mengenai Islam Hadhari di kalangan agensi yang bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat mengenai pendekatan dan prinsip Islam Hadhari menyebabkan masyarakat bukan Melayu semacam keliru dan skeptikal dalam hal ini.

Oleh itu, saya percaya bahawa penubuhan Institut Islam Hadhari ini sudah tentu akan melonjakkan martabat serta imej negara seperti yang ditegaskan Perdana Menteri 'konsep Islam Hadhari kini bukan saja diterima rakyat Malaysia, malah diperakui dan diterima masyarakat antarabangsa, termasuk bukan Islam'.

Mesej Perdana Menteri jelas dan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak terutama komuniti politik. Akhir sekali, saya amat optimis dengan hala tuju Institut Islam Hadhari yang akan memikul amanat Perdana Menteri dengan jayanya untuk menjalankan penyelidikan serta berkongsi epistemologi dan ontologi serta respons masyarakat Malaysia dan antarabangsa mengenai gagasan Islam Hadhari.

DR SARJIT SINGH GILL,
sarjit@putra.upm.edu.my.